

# Brambles

## Dasar Tampil Bersuara

**Brambles Limited**

Dimulakan: 2013

Disemak Semula: 1 Julai 2023

Versi 4.0

### DASAR TAMPIL BERSUARA

#### 1 Dasar Ini

Dasar ini bertujuan memperkukuh dan menegaskan semula komitmen Brambles pada proses tampil bersuara secara terbuka untuk menggalakkan pekerja dan orang layak yang lain supaya mengemukakan apa-apa kebimbangan Salah Laku yang mereka mungkin ada. Dalam persekitaran hari ini, tampil bersuara kekal sebagai pertahanan pertama dan terbaik Brambles dalam menghadapi Salah Laku; apabila Salah Laku dikesan dan dilaporkan, Brambles boleh mengambil tindakan pembaikan segera untuk menanganinya. Kami menyedari bahawa pengesanan dan pelaporan awal Salah Laku bergantung pada pengkalan budaya mempercayai dan integriti, iaitu semua pekerja dan orang layak yang lain:

- (a) digalakkan melaporkan kemungkinan Salah Laku secepat mungkin, dengan mengetahui bahawa kebimbangan mereka akan diambil secara serius dan tindakan sewajarnya akan diambil;
- (b) mengetahui dan menggunakan saluran yang disediakan kepada mereka untuk melaporkan kebimbangan mengenai Salah Laku;
- (c) mengetahui perlindungan yang tersedia dan langkah yang akan kami ambil untuk menyiasat laporan; dan
- (d) mempercayai bahawa proses tampil bersuara adalah sulit dan pemangsaan, tindakan balas, hukuman atau apa-apa layanan buruk tidak akan diterima sama sekali.

Dasar ini dirancang untuk mematuhi *Akta Perbadanan 2001 (Cth)* dan *Akta Pentadbiran Percukaian 1953 (Cth)*. Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang perlindungan yang diberikan kepada individu tertentu yang membuat pendedahan yang layak di Australia atau tentang operasi Australia kami, sila lihat Lampiran I. Ketidakkonsistenan.

#### 2 Apakah Kegiatan yang Dirangkumi oleh Dasar Ini?

Melainkan jika undang-undang tempatan atau undang-undang berkenaan memberikan hak atau remedi yang lebih besar kepada individu, dalam hal ini undang-undang tempatan atau undang-undang berkenaan akan diguna pakai, Dasar ini terpakai kepada individu yang ingin mendedahkan salah laku atau keadaan yang tidak sepatutnya berlaku berhubung dengan Brambles termasuk mana-mana syarikat kumpulannya ("**Brambles**"). Dalam Dasar ini, semua kegiatan ini dipanggil "**Salah Laku**" dan termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- (a) kegiatan jenayah di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai, termasuk undang-undang Australia dan Kesatuan Eropah;
- (b) penipuan;
- (c) pelanggaran kewajipan atau pecah amanah;
- (d) kelakuan yang berbahaya kepada orang ramai, termasuk berbahaya kepada kesihatan dan keselamatan serta kerosakan kepada alam sekitar akibat pelepasan bahan toksik atau bahan buangan alam sekitar atau pelanggaran undang-undang atau peraturan alam sekitar yang berkenaan;
- (e) perakaunan dipersoalkan, salah urus pengauditan atau perakaunan dalaman, termasuk yang sebenar atau ancaman:
  - (i) penipuan atau kesalahan disengajakan dalam penyediaan, penilaian, penyemakan atau pengauditan mana-mana penyata kewangan Brambles;
  - (ii) penipuan atau kesalahan disengajakan dalam merekodkan atau menyelenggara rekod kewangan Brambles;
  - (iii) kekurangan atau ketidakpatuhan dengan kawalan perakaunan dalaman Brambles;

- (iv) salah nyataan atau pernyataan palsu kepada atau oleh pegawai kanan atau akauntan berkenaan kandungan perkara dalam rekod kewangan, laporan kewangan atau laporan audit Brambles;
- (v) penyimpangan daripada pelaporan penuh dan adil mengenai keadaan kewangan Brambles; atau
- (vi) apa-apa kegiatan lain yang mungkin berbahaya kepada sistem kewangan;
- (f) pelanggaran atau pelanggaran yang disyaki terhadap undang-undang cukai yang berkenaan atau salah laku berhubung dengan urusan cukai Brambles;
- (g) sogokan atau rasuah;
- (h) pelanggaran hak asasi manusia;
- (i) kelakuan tidak beretika;
- (j) kegagalan mematuhi mana-mana syarat perundangan atau pengawalseliaan yang tidak disebut secara khusus di atas, termasuk mana-mana undang-undang yang ditadbir oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Pelaburan Australia (**ASIC**);
- (k) kelakuan yang menjejaskan keselamatan dan pematuhan produk, keselamatan pengangkutan, keselamatan makanan atau perlindungan kesihatan atau kebajikan haiwan;
- (l) pelanggaran yang menjejaskan perlindungan data peribadi atau sulit atau keselamatan rangkaian dan sistem maklumat Brambles;
- (m) pendedahan rahsia dagangan atau maklumat proprietari atau sulit tanpa kebenaran;
- (n) apa-apa pelanggaran Tatakelakuan Brambles atau dasar atau prosedur lain;
- (o) kelakuan yang berkemungkinan merosakkan reputasi Brambles;
- (p) pemangsaan, tindakan balas atau hukuman kerana melaporkan kebimbangan Salah Laku atau kerana memberikan apa-apa maklumat secara luaran kepada pengamal undang-undang untuk tujuan mendapatkan nasihat atau perwakilan undang-undang di bawah mana-mana undang-undang pemberi maklumat yang berkenaan atau kepada mana-mana pengawal selia yang berkenaan untuk membantunya dalam pelaksanaan fungsi atau tugas di bawah undang-undang yang terpakai; atau
- (q) penyembunyian disengajakan mengenai mana-mana perkara di atas.

Sekiranya anda mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa apa-apa Salah Laku sudah berlaku atau mungkin akan berlaku, anda perlu melaporkannya menurut Dasar ini. Pelbagai cara untuk anda membuat laporan dijelaskan dalam bahagian 4 di bawah. Jika anda tidak pasti sama ada sesuatu kegiatan dirangkumi oleh Dasar ini atau tidak, anda harus berunding dengan Ketua Pegawai Undang-undang, Ketua Pegawai Pematuhan atau mana-mana ahli Pasukan Undang-undang serta Etika dan Pematuhan Global yang lain.

Dalam kebanyakan kes, Dasar ini, dan semua saluran pelaporan yang dinyatakan di bahagian 4 di bawah, tidak merangkumi aduan berkaitan dengan keadaan peribadi anda sendiri, seperti cara anda dilayan di tempat kerja. Sebaliknya, dalam kebanyakan kes, aduan tentang keadaan peribadi anda sendiri perlu dilaporkan kepada pengurus peringkat atau wakil sumber manusia anda, yang akan mengambil tindakan sewajarnya. Kerahsiaan untuk mana-mana pekerja yang mengemukakan aduan yang munasabah secara objektif berkaitan dengan keadaan peribadi mereka sendiri akan dihormati, serta pemangsaan, tindakan balas dan hukuman tidak akan diterima sama sekali.

### 3 Siapa Yang Boleh Tampil Bersuara Di Bawah Dasar Ini?

Dasar ini serta semua prosedur yang dihuraikan dalam Dasar ini disediakan kepada setiap pegawai, pekerja dan syarikat bersekutu semasa dan terdahulu Brambles serta mana-mana pihak yang mempunyai atau pernah mempunyai hubungan perniagaan (seperti pelanggan, pembekal, pekerja pembekal, kontraktor, ejen, pengedar, sukarelawan, pelatih dan pemegang saham Brambles). Dasar ini dan prosedur yang dihuraikan dalam Dasar ini juga terpakai kepada mana-mana saudara atau tanggungan mana-mana di atas, termasuk pasangan, tanggungan pasangan, ibu bapa, atau nenek

moyang linear yang lain, anak, atau cucu atau adik beradik, atau kepada mana-mana individu lain yang ditetapkan oleh undang-undang yang berkenaan.

#### 4 Cara Mengemukakan Kebimbangan

Brambles menggalakkan semua laporan Salah Laku dibuat kepada talian penting Tampil Bersuara Brambles, yang merangkumi pelbagai saluran untuk pelaporan. Laporan yang dibuat kepada talian penting Tampil Bersuara akan diterima oleh pihak ketiga bebas, Navex Global, 24 jam sehari, 7 hari seminggu, dan dihalakan kepada Pasukan Etika dan Pematuhan Global. Untuk mengemukakan laporan menggunakan talian penting, individu boleh pergi ke [www.brambles.ethicspoint.com](http://www.brambles.ethicspoint.com) yang menyediakan satu senarai nombor telefon tempatan atau bebas tol yang khusus negara atau wilayah, atau pautan ke sistem pelaporan dalam talian yang tersedia, atau rujuk poster Tampil Bersuara di kemudahan Brambles. Penggunaan talian penting Tampil Bersuara ialah cara terbaik untuk Brambles memastikan laporan Salah Laku ditangani dengan segera, selamat dan mengikut Dasar Tampil Bersuara ini. Walaupun Brambles menggalakkan pelapor supaya mengenal pasti diri mereka, pelapor boleh membuat laporan secara tanpa nama menggunakan talian penting Tampil Bersuara.

Selain itu, kami berharap semua pekerja akan berasa selesa untuk mengemukakan kebimbangan tentang Salah Laku sebenar atau yang mungkin berlaku secara terbuka dan jika mereka berasa selesa, laporan boleh dibuat secara lisan atau bertulis terus kepada:

- pengurus peringkat anda;
- Ketua Pegawai Undang-undang dan Setiausaha Syarikat Kumpulan;
- Naib Presiden dan Penasihat Undang-undang Serantau, EMEA;
- Naib Presiden dan Penasihat Undang-undang Serantau, Amerika dan Asia;
- Ketua Pegawai Pematuhan; dan
- mana-mana ahli pasukan Audit Dalaman Brambles.

Akhir sekali, mungkin terdapat keadaan yang menyebabkan individu percaya bahawa mereka tidak boleh menyuarakan kebimbangan Salah Laku menggunakan mana-mana saluran yang disenaraikan di atas. Dalam keadaan sebegini, individu itu boleh menyampaikannya secara langsung kepada Pengerusi Lembaga Pengarah atau Pengerusi Jawatankuasa Audit & Risiko, yang boleh dihubungi dengan dan melalui Ketua Undang-undang dan Setiausaha Syarikat Kumpulan di GPO Box 4173, Sydney NSW 2001, Australia. Apa-apa komunikasi yang ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Pengarah atau Pengerusi Jawatankuasa Audit & Risiko perlu ditandakan dengan jelas sebagai perkara "Sulit-Mata Sahaja". Dengan penandaan ini, komunikasi tersebut akan dimajukan terus kepada Pengerusi Lembaga Pengarah atau Pengerusi Jawatankuasa Audit & Risiko dan tidak akan dibuka oleh Ketua Pegawai Undang-undang. Individu juga boleh berkomunikasi dengan juruaudit luar Brambles dengan menghubungi [ethics.helpline@au.pwc.com](mailto:ethics.helpline@au.pwc.com) atau, bagi orang yang bertempat di Australia, menggunakan nombor 1800 487 878.

Tanpa mengira saluran yang digunakan, pekerja mesti melaporkan Salah Laku yang disyaki secepat mungkin. Pelaporan Salah Laku secepat mungkin membolehkan Brambles menjalankan penyiasatan dan memulihkan atau menghapuskannya serta meminimumkan apa-apa akibat buruk yang mungkin timbul daripadanya.

Anda boleh melaporkan Salah Laku yang disyaki secara tanpa nama. Bagaimanapun, memandangkan kecurigaan yang dilaporkan secara tanpa nama adalah jauh lebih sukar dan selalunya mustahil untuk disiasat, anda digalakkan, tetapi tidak diperlukan, untuk mendedahkan identiti anda. Apa-apa laporan yang dibuat, sama ada secara tanpa nama atau tidak, perlu menyertakan perincian mencukupi untuk membolehkan Brambles menjalankan penyiasatan penuh ke atas perkara itu. Contohnya, penting untuk memberikan maklumat tentang nama orang yang didakwa terlibat, atau menyaksikan, (semua)

kejadian itu, tarikh dan masa (semua) kejadian (secara anggaran atau tepat), tempat (semua) kejadian berlaku, dan sebab pekerja percaya (semua) kejadian itu perlu dilaporkan. Perincian yang tidak mencukupi boleh menghalang Brambles daripada menangani perkara itu sewajarnya.

Mana-mana pekerja yang percaya dia sudah terlibat secara peribadi dalam Salah Laku perlu melaporkan (semua) kejadian sebegini. Pelaporan sendiri akan dipertimbangkan semasa memutuskan sama ada tindakan disiplin diperlukan dan jenis tindakan yang bersesuaian.

Matlamat Dasar ini adalah untuk menyediakan mekanisme dalaman pelaporan, penyiasatan dan pemulihan apa-apa Salah Laku. Kadangkala individu akan mempunyai kebimbangan berkaitan tindakan pihak ketiga, seperti pelanggan, pembekal atau penyedia perkhidmatan. Kami sangat menggalakkan anda melaporkan kebimbangan sebegini secara dalaman sebelum membangkitkan perkara itu kepada mana-mana pihak ketiga. Anda perlu menggunakan salah satu saluran pelaporan yang ditetapkan di atas sebagai panduan. Walau bagaimanapun, tiada apa-apa pun dalam Dasar ini yang menghalang anda daripada melaporkan Salah Laku atau memberikan maklumat kepada, memberikan keterangan atau membantu ASIC, Pesuruhjaya Percukaian Australia atau mana-mana pengawal selia lain yang berkuat kuasa melaksanakan fungsi atau tugasnya selaras dengan atau berhubung dengan undang-undang yang terpakai.

### 5 Kerahsiaan Dihormati

Jika anda melaporkan Salah Laku atas alasan yang munasabah, identiti anda dan apa-apa maklumat yang mungkin menyebabkan anda dikenal pasti akan disimpan secara rahsia serta akan dikongsikan berdasarkan "keperluan untuk tahu sahaja" dengan orang yang bertanggungjawab menyiasat atau menyelesaikan kebimbangan itu. Kami akan menyimpan semua maklumat tentang laporan secara selamat dan selaras dengan Dasar Pengelasan Data serta Dasar dan Jadual Penyimpanan Dokumen dan Pemusnahan Data kami. Kami juga akan menyunting identiti anda daripada semua dokumen yang berkaitan.

Bagi laporan Salah Laku yang diliputi dalam Lampiran I, perlindungan undang-undang yang tersedia di bawah undang-undang pemberi maklumat Australia, seperti yang dinyatakan dalam bahagian 8 Lampiran I, akan digunakan.

### 6 Tiada Pemangsaan

Kami memahami bahawa individu adakalanya bimbang akan kemungkinan akibat yang disebabkan oleh aduan Salah Laku. Sila ambil perhatian bahawa kami menggalakkan keterbukaan dan akan menyokong mana-mana individu yang mempunyai alasan munasabah untuk mengemukakan Salah Laku yang disyaki di bawah Dasar ini, walaupun beliau kemudian didapati tersalah anggap.

Kami tidak sama sekali akan menerima apa-apa bentuk pemangsaan, tindakan balas atau hukuman langsung atau tidak langsung kepada mana-mana orang yang membuat laporan di bawah Dasar ini, atau menjalankan, membantu atau menyertai penyiasatan laporan yang dibuat di bawah Dasar ini. Mana-mana pekerja yang didapati terlibat dalam tingkah laku sedemikian terhadap pekerja lain kerana mereka percaya bahawa orang tersebut telah membuat, mungkin membuat, bercadang untuk membuat atau boleh membuat laporan di bawah Dasar ini, atau telah membantu, mungkin membantu, bercadang untuk membantu atau boleh membantu dalam penyiasatan akan tertakluk pada tindakan disiplin yang wajar, sehingga dan termasuk kemungkinan penamatan pekerjaan. Kami mentafsirkan pemangsaan, tindakan balas atau hukuman secara meluasnya untuk merangkumi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang menyebabkan, atau mengancam untuk menyebabkan, apa-apa kemudaratan (secara kolektif, **Perlakuan Memudaratkan**) dan Perlakuan Memudaratkan sedemikian termasuk, antara lainnya:

- penggantungan, pemberhentian kerja, pemecatan atau tindakan yang setara;
- penurunan pangkat atau penahanan kenaikan pangkat;
- penahanan latihan;
- ulasan prestasi yang negatif;
- mengubah jawatan, status atau kontrak pekerja (untuk memasukkan terma dan syarat kerja) atau jawatan, status atau kontrak orang lain yang merugikannya;
- tindakan disiplin atau bentuk kemudaratan lain kepada pekerja di bawah jagaannya;
- diskriminasi, gangguan, intimidasi, ancaman, berat sebelah semasa atau akan datang, atau layanan lain yang tidak baik;
- kemudaratan atau kecederaan kepada seseorang, termasuk kemudaratan psikologi atau kerosakan kepada reputasi seseorang;
- kerosakan kepada harta, perniagaan, atau kedudukan kewangan seseorang; dan
- rujukan pekerjaan negatif, senarai hitam atau boikot perniagaan.

Jika anda percaya bahawa anda telah mengalami, atau orang lain telah mengalami, apa-apa Perlakuan Memudaratkan sedemikian, anda harus melaporkan kebimbangan anda menggunakan salah satu mekanisme pelaporan yang dinyatakan di bahagian 4 di atas dengan segera.

### **7 Proses Penyiasatan**

Sebaik sahaja anda menyuarakan kebimbangan, Brambles akan menilai laporan itu untuk menentukan langkah-langkah seterusnya yang bersesuaian. Pasukan Undang-undang serta Etika dan Pematuhan Global Brambles merupakan fungsi yang ditetapkan untuk menerima dan menyiasat, atau mengawasi penyiasatan Salah Laku yang dilaporkan. Ahli Pasukan Undang-undang dan Pematuhan Brambles akan mengakui penerimaan kebimbangan anda dengan segera dan dalam masa 7 hari selepas menerima laporan anda.

Dalam sesetengah kes, Brambles mungkin melantik penyiasat dalaman atau luaran atau pasukan penyiasat, termasuk kakitangan dengan pengalaman risikan yang relevan atau dengan pengetahuan khas tentang subjek. Atas permintaan anda, Brambles akan mengatur pertemuan fizikal secara peribadi dengan penyiasat yang dilantik dalam tempoh masa yang munasabah.

Tiada sesiapa yang akan dituduh kerana melibatkan diri dalam Salah Laku atau tindakan salah sehingga siasatan, jika ada, sudah lengkap dan mereka mempunyai peluang untuk memberikan maklum balas terhadap tuduhan. Semua penyiasat akan memperlakukan saksi secara profesional serta dengan rasa penuh hormat dan bermaruah. Bergantung pada hasil siasatan, selain daripada tindakan disiplin yang berpotensi, penyiasat boleh membuat cadangan perubahan bagi membolehkan Brambles mengurangkan risiko apa-apa Salah Laku pada masa hadapan.

Brambles akan memastikan mana-mana orang yang menyuarakan kebimbangan Salah Laku menerima maklumat terkini mengenai penyiasatan yang dilakukan dan masa jangkaan penyiasatan itu lengkap. Kami juga akan menyelesaikan semua penyiasatan dalam tempoh masa yang munasabah, tidak melebihi tiga bulan atau enam bulan jika fakta dan keadaan berkenaan kebimbangan itu memerlukan, dan memberikan maklum balas tentang perkara yang sama. Bagaimanapun, kadang-kadang terdapat keperluan kerahsiaan dan pertimbangan undang-undang yang mungkin menghalang kami daripada memberikan butiran terperinci tentang penyiasatan atau apa-apa tindakan disiplin yang akan diambil, kepada orang yang mengemukakan kebimbangan Salah Laku.

Tindakan menyuarakan kebimbangan yang anda tahu memang palsu merupakan perkara yang sangat serius, dan jika kami mendapati aduan palsu telah dibuat tanpa alasan yang munasabah untuk berbuat demikian, kami boleh membuat kesimpulan bahawa tindakan sedemikian merupakan salah laku

melampau dan akan mengambil tindakan disiplin sehingga dan termasuk kemungkinan penamatan pekerjaan.

### 8 Kerjasama

Semua kakitangan perlu bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana penyiasatan yang dijalankan di bawah Dasar ini, dengan memberikan maklumat yang benar dan lengkap. Mana-mana pekerja yang gagal memberikan kerjasama dalam penyiasatan Brambles atau berbohong kepada atau menipu Brambles akan tertakluk pada tindakan disiplin, termasuk kemungkinan penamatan pekerjaan.

Pekerja yang sudah diberitahu atau sedar tentang siasatan yang sedang dijalankan, dan mempunyai pelbagai rekod relevan yang berkaitan dengan siasatan (*cth.*, catatan, mel elektronik, pesanan ringkas, fail, nota, gambar, dan rakaman *dsb.*) mesti mengekalkan semua rekod ini dan memberikannya kepada Brambles. Mana-mana pekerja yang dengan sengaja memusnahkan atau mengubah semua rekod atau maklumat berkaitan, akan tertakluk pada tindakan disiplin, termasuk kemungkinan penamatan pekerjaan.

### 9 Pelaporan Perkara Tampil Bersuara

Tertakluk pada perlindungan kerahsiaan yang dinyatakan di bahagian 5 di atas dan dalam Lampiran I, jika berkenaan, laporan salah laku boleh digunakan untuk tujuan pelaporan terhadap, termasuk kepada Lembaga Pengarah Brambles dan Jawatankuasa Audit & Risikonya.

### 10 Sokongan

Kami menyedari bahawa tindakan mengemukakan kebimbangan tentang Salah Laku, atau menyertai siasatan (sama ada sebagai saksi, pihak dituduh atau penyiasat) boleh menjadi sukar dan tidak selesa. Dalam keadaan tertentu, termasuk untuk melindungi anda daripada risiko Perlakuan Memudaratkan, Brambles mungkin, berdasarkan kes demi kes, membenarkan anda melaksanakan tugas anda dari lokasi lain atau dalam peranan lain pada tahap kumpulan yang sama. Kami juga boleh menetapkan semula atau menempatkan semula pekerja Brambles yang didakwa terlibat dalam Salah Laku semasa siasatan sedang dijalankan.

Selain itu, pekerja Brambles dan keluarga mereka boleh menghubungi [Program Bantuan Pekerja \(EAP\)](#) Brambles untuk mendapatkan sokongan. EAP menyediakan perkhidmatan sokongan percuma, sulit dan jangka pendek oleh profesional yang berkelayakan kepada pekerja Brambles dan ahli keluarga terdekat mereka, sama ada secara bersemuka, melalui telefon atau melalui Internet. Maklumat tentang cara menghubungi [EAP](#) tersedia di Walter.

### 11 Maklumat Lanjut

Jika anda ingin mendapatkan maklumat lanjut tentang Dasar ini, kami menggalakkan anda agar menghubungi Ketua Pegawai Undang-undang Brambles, Ketua Pegawai Pematuhan Brambles atau mana-mana ahli Pasukan Undang-undang serta Etika dan Pematuhan Global.

### 12 Penyelenggaraan Dasar ini

Dasar ini, termasuk Lampiran 1, tersedia secara dalaman kepada semua pekerja melalui Hab Etika dan Pematuhan Global pada Walter dan secara luaran kepada semua individu melalui laman web Brambles di <https://www.brambles.com/corporate-governance-overview>. Selain itu, salinan cetak Dasar ini, termasuk Lampiran 1, tersedia di setiap loji atau pusat perkhidmatan yang dimiliki atau dikendalikan

oleh Brambles. Pengurus bagi setiap kemudahan tersebut akan bertanggungjawab untuk memastikan bentuk Dasar semasa ini, termasuk Lampiran 1, tersedia dalam bentuk cetak di kantin, bilik rehat atau mana-mana lokasi lain yang dasar, prosedur atau manual lain boleh dicapai dengan bebas.

### 13 Tanggungjawab Untuk Kejayaan Dasar Ini

Lembaga Pengarah Brambles mempunyai tanggungjawab keseluruhan ke atas Dasar ini dan menyemak keberkesanan tindakan yang diambil sebagai maklum balas kepada kebimbangan yang dibangkitkan berkaitan Dasar ini. Jawatankuasa Risiko dan Audit mempunyai tanggungjawab untuk:

- (a) memastikan mekanisme yang sesuai diwujudkan demi perlindungan daripada Perlakuan Memudaratkan; dan
- (b) komunikasi dan pematuhan Dasar ini di seluruh Brambles.

Ketua Pegawai Pematuhan memegang tanggungjawab operasi seharian untuk Dasar ini dan memastikan semua pengurus dan kakitangan lain yang mungkin akan menangani kebimbangan atau penyiasatan di bawah Dasar ini, termasuk Penerima Layak seperti yang ditakrifkan dalam Lampiran I, menjalani sesi latihan yang sesuai dan secara berkala.

Ketua Pegawai Undang-undang, yang turut berada dalam Lembaga Pengarah, akan menyemak semula Dasar ini dari perspektif undang-undang dan operasi sekurang-kurangnya sekali setahun. Dasar ini tidak membentuk mana-mana bahagian kontrak pekerjaan pekerja, atau dalam apa jua cara mewujudkan hak atau kewajipan kontrak, dan dasar ini boleh dipinda dari semasa ke semasa.

Semua pekerja bertanggungjawab ke atas kejayaan Dasar ini dan perlu memastikan mereka akan menggunakannya untuk mendedahkan apa-apa Salah Laku yang disyaki. Pekerja dipelawa untuk memberikan komen dan mencadangkan cara untuk menambah baik Dasar ini. Komen, cadangan dan pertanyaan perlu dialamatkan kepada Ketua Pegawai Undang-undang.



## **Tambahan I Dasar Tampil Bersuara Brambles Perlindungan Undang-undang untuk Pelapor Tampil Bersuara di Australia**

### **1. Tujuan**

- 1.1. Secara umumnya, Dasar Tampil Bersuara Brambles dan Tambahan I ini, secara lebih khusus, dirancang untuk mematuhi *Akta Perbadanan 2001 (Cth)* dan *Akta Pentadbiran Percukaian 1953 (Cth)* (secara kolektif, "Akta"), yang menyediakan perlindungan khusus kepada individu yang membuat "Pendedahan Berkelayakan".
- 1.2. Sesuatu laporan boleh dianggap sebagai Pendedahan Berkelayakan jika laporan tersebut dibuat oleh "Pelapor Layak" tentang "Perkara Boleh Dedah" kepada "Penerima Layak". Maklumat dalam Tambahan I ini dirancang untuk memberikan butiran lanjut tentang konsep ini kepada anda, untuk menyertakan perlindungan undang-undang khusus yang tersedia di bawah Akta, dan untuk menerangkan proses yang perlu diikuti.
- 1.3. Jika anda mempunyai apa-apa soalan tentang Tambahan I ini atau perlindungan undang-undang di bawah Akta, kami menggalakkan agar anda menghubungi Ketua Pegawai Pematuhan Brambles atau mana-mana ahli Pasukan Undang-undang atau Pasukan Etika dan Pematuhan Global.
- 1.4. Untuk mengelakkan keraguan, Dasar Tampil Bersuara dan Tambahan I ini terpakai di Australia. Setakat Dasar Tampil Bersuara tidak konsisten dengan Tambahan I ini, Tambahan I ini akan berkuat kuasa setakat ketidakkonsistenan tersebut.

### **2. Prinsip Utama**

- 2.1. Seperti yang ditetapkan dalam Dasar Tampil Bersuara, Brambles menggalakkan anda supaya melaporkan apa-apa sahaja yang anda percaya secara munasabah merupakan Salah Laku, walaupun anda tidak pasti sama ada perkara tersebut dianggap sebagai Pendedahan Berkelayakan atau tidak. Kami mahu anda berasa selamat ketika bersuara tanpa rasa takut terhadap tindakan balas atau hukuman kerana, dengan Bersuara, anda akan membantu kami mengenal pasti dan menangani isu serta menambah baik cara kami menjalankan perniagaan.
- 2.2. Seperti yang ditetapkan dalam Dasar Tampil Bersuara, kami tidak membenarkan apa-apa bentuk Perlakuan Memudaratkan diambil terhadap sesiapa sahaja kerana mereka boleh membuat, sudah membuat, bercadang untuk membuat atau mungkin membuat laporan Salah Laku atas asyng munasabah, walaupun laporan tersebut tidak dianggap sebagai Pendedahan Berkelayakan. Kami menganggap semua bentuk Perlakuan Memudaratkan sebagai salah laku dan boleh dikenakan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk pemberhentian pekerjaan. Selain itu, terdapat perlindungan khusus dan penalti berat serta kemungkinan pendakwaan jenayah bagi pihak yang terlibat dalam Perlakuan Memudaratkan berhubung dengan Pendedahan Berkelayakan.
- 2.3. Apabila individu Bersuara di bawah Dasar Tampil Bersuara dan Tambahan I ini, maklumat yang diberikan oleh mereka akan dikendalikan secara sulit. Pendedahan Berkelayakan juga layak mendapat perlindungan kerahsiaan tertentu di bawah Akta. Brambles akan mengurus apa-apa Pendedahan Berkelayakan di bawah Tambahan I ini mengikut semua keperluan undang-undang yang diperlukan.

- 2.4. Tiada apa-apa dalam Dasar Tampil Bersuara Brambles atau Tambahan I ini akan menghalang anda daripada, atau memerlukan kelulusan untuk, melaporkan perkara yang anda percaya secara munasabah merupakan pelanggaran undang-undang kepada pihak berkuasa kerajaan yang sesuai atau daripada mendapatkan nasihat undang-undang berhubung dengan perlindungan yang tersedia kepada anda semasa membuat laporan.

### 3. Definisi.

Untuk tujuan Tambahan I ini, istilah berikut mempunyai maksud yang berikut:

- 3.1. “Brambles” merujuk kepada Brambles Limited dan mana-mana Syarikat Kumpulannya.
- 3.2. “Perlakuan Memudaratkan” mempunyai maksud yang ditetapkan dalam Dasar Tampil Bersuara.
- 3.3. “Perkara Boleh Dedah” merujuk kepada maklumat yang:
- 3.3.1. berhubung dengan salah laku, atau keadaan yang tidak sepatutnya berlaku, yang berkaitan dengan Brambles atau Syarikat Kumpulan, termasuk berhubung dengan Hal Ehwal Cukai Brambles atau sekutu Brambles;
  - 3.3.2. menunjukkan bahawa Brambles atau Syarikat Kumpulan, atau pegawai atau pekerjanya, telah terlibat dalam kelakuan yang melanggar *Akta Perbadanan 2001* (Cth) atau undang-undang Australia tertentu yang lain;
  - 3.3.3. dianggap kesalahan di bawah mana-mana undang-undang Komanwel yang boleh dihukum penjara selama sekurang-kurangnya 12 bulan; atau
  - 3.3.4. menimbulkan bahaya kepada orang ramai atau sistem kewangan.

Contoh Perkara Boleh Dedah termasuk perdagangan orang dalam, perdagangan tidak mampu bayar, pelanggaran peraturan pendedahan berterusan, kegagalan menyimpan rekod kewangan yang tepat, pemalsuan rekod atau akaun, rasuah, penipuan, perhambaan moden atau pelanggaran hak asasi manusia, atau pelanggaran kewajipan atau amanah.

- 3.4. “Pelapor Layak” bermaksud:
- 3.4.1. pekerja Brambles semasa atau yang lalu;
  - 3.4.2. pegawai atau sekutu Brambles semasa atau yang lalu (termasuk pengarah dan setiausaha Brambles serta pengarah dan setiausaha Kumpulan Syarikat);
  - 3.4.3. pembekal Brambles semasa atau yang lalu, sama ada berbayar atau tidak berbayar, termasuk pekerja sementara dan mana-mana pekerja pembekal tersebut (cth, kontraktor, perunding, penyedia perkhidmatan dan rakan kongsi perniagaan semasa dan yang lalu);
  - 3.4.4. mana-mana saudara, tanggungan atau pasangan (atau tanggungan pasangan tersebut) bagi mana-mana individu yang dikenal pasti di bahagian 3.4 ini.

3.5. "Penerima Layak" bermaksud individu dan entiti berikut:

3.5.1 Ketua Pegawai Undang-undang dan Setiausaha Syarikat Kumpulan;

3.5.2 Naib Presiden dan Penasihat Undang-undang Serantau, EMEA;

3.5.3 Naib Presiden dan Penasihat Undang-undang Serantau, Amerika dan Asia;

3.5.4 Ketua Pegawai Pematuhan;

3.5.5 juruaudit dalaman atau luaran Brambles atau Syarikat Kumpulan;

3.5.6 jika kebimbangan berkaitan dengan Hal Ehwal Cukai Brambles, kepada

3.5.6.1 mana-mana pekerja atau pegawai Brambles yang menjalankan fungsi atau kewajipan yang berkaitan dengan Hal Ehwal Cukai Brambles;

3.5.6.2 ejen cukai berdaftar atau ejen BAS (dalam lingkungan maksud *Akta Perkhidmatan Ejen Cukai 2009* (Cth)) yang digunakan oleh Brambles; atau

3.5.6.3 Pesuruhjaya Percukaian;

3.5.7 Suruhanjaya Sekuriti dan Pelaburan Australia (**ASIC**); atau

3.5.8 Pihak Berkuasa Kawal Selia Kebijaksanaan Australia (**APRA**).

3.6. "Syarikat Kumpulan" bermaksud, untuk tujuan Tambahan I ini, perbadanan berkaitan Brambles sebagaimana istilah tersebut ditakrifkan dalam *Akta Perbadanan 2001* (Cth).

3.7. "Hal Ehwal Cukai" bermaksud hal ehwal yang berkaitan dengan apa-apa cukai yang dikenakan oleh atau di bawah, atau ditaksir atau dikutip di bawah, undang-undang yang ditadbir oleh Pesuruhjaya Percukaian.

3.8. "Salah Laku" mempunyai maksud yang ditetapkan dalam Dasar Tampil Bersuara.

#### **4. Pendedahan Berkelayakan**

4.1. Laporan akan dianggap sebagai Pendedahan Berkelayakan yang layak mendapat perlindungan undang-undang di bawah Akta jika setiap satu kriteria berikut dipenuhi:

4.1.1. anda merupakan Pelapor Layak seperti yang ditakrif di bahagian 3.4;

4.1.2. anda melaporkan Perkara Boleh Dedah seperti yang ditakrifkan di bahagian 3.3, dan anda mempunyai asas yang munasabah untuk menyokong laporan tersebut;

4.1.3. laporan anda berkaitan dengan operasi Australia atau kelakuan Brambles, atau Syarikat Kumpulan, yang berlaku di Australia; dan

- 4.1.4. anda melaporkan Perkara Boleh Dedah anda secara langsung kepada talian penting Tampil Bersuara Brambles atau kepada Penerima Layak yang tersenarai di bahagian 3.5.
- 4.2. Pendedahan Berkelayakan juga termasuk laporan yang anda kemukakan kepada pengamal undang-undang untuk tujuan memperoleh nasihat undang-undang atau perwakilan undang-undang tentang pengendalian undang-undang pemberian maklumat di Australia (sama ada laporan tersebut berkaitan dengan Salah Laku atau tidak).
- 4.3. Jika kriteria untuk Pendedahan Berkelayakan dipenuhi, perlindungan undang-undang di bawah Akta akan tersedia kepada anda walaupun laporan anda dibuat secara tanpa nama atau jika laporan anda didapati tidak betul atau tidak berasas.

## 5. Cara Melaporkan Pendedahan Berkelayakan

Bahagian 4 Dasar Tampil Bersuara menetapkan cara membuat laporan, yang juga terpakai kepada Pendedahan Berkelayakan yang dibuat di bawah Tambahan I ini.

Brambles menggalakkan agar semua laporan Perkara Boleh Dedah dikemukakan kepada talian penting Tampil Bersuara Brambles. Laporan yang dikemukakan kepada talian penting Tampil Bersuara akan diterima oleh pihak ketiga bebas, Navex Global, dan dihalakan kepada Pasukan Etika dan Pematuhan Global. Penggunaan talian penting Tampil Bersuara ialah cara terbaik untuk Brambles memastikan laporan anda dikendalikan dengan segera, selamat dan mengikut Dasar Tampil Bersuara serta Tambahan I ini. Walaupun Brambles menggalakkan pelapor, termasuk Pelapor Layak, untuk mengenal pasti diri mereka, pelapor boleh membuat laporan secara tanpa nama melalui talian penting Tampil Bersuara.

## 6. Pendedahan Kepentingan Awam dan Kecemasan

Dalam keadaan tertentu, Pelapor Layak juga mungkin dilindungi di bawah Akta jika mereka melaporkan kepada wartawan profesional atau ahli parlimen tentang Perkara Boleh Dedah yang dianggap oleh mereka mempunyai asas yang munasabah sebagai kepentingan awam ("Pendedahan Kepentingan Awam") atau yang berkaitan dengan bahaya yang cukup besar dan nyata kepada kesihatan, keselamatan atau alam sekitar ("Pendedahan Kecemasan"). Keperluan yang mesti dipenuhi untuk menerima perlindungan undang-undang bagi Pendedahan Kepentingan Awam atau Pendedahan Kecemasan ditetapkan di bawah:

	<b>Pendedahan Kepentingan Awam</b>	<b>Pendedahan Kecemasan</b>
<b>1</b>	Laporan terdahulu telah dikemukakan kepada ASIC atau APRA	
<b>2</b>	Tempoh 90 hari telah berlalu sejak pengemukaan laporan	Tiada tempoh menunggu
<b>3</b>	<p>Pelapor Layak tidak mempunyai asas yang munasabah untuk percaya bahawa tindakan sedang, atau telah diambil, untuk menangani perkara yang dilaporkan</p> <p>Pelapor Layak mempunyai asas yang munasabah untuk percaya bahawa tindakan mendedahkan maklumat selanjutnya merupakan kepentingan awam</p>	Pelapor Layak mempunyai asas yang munasabah untuk percaya bahawa maklumat melibatkan bahaya yang cukup besar dan nyata kepada kesihatan atau keselamatan terhadap 1 atau lebih orang atau kepada alam sekitar

	<b>Pendedahan Kepentingan Awam</b>	<b>Pendedahan Kecemasan</b>
<b>4</b>	Pelapor Layak telah memberikan pemberitahuan bertulis kepada ASIC atau APRA (mana-mana satu yang menerima laporan terdahulu) bahawa mereka berniat untuk membuat Pendedahan Kepentingan Awam atau Pendedahan Kecemasan serta bahawa mereka memberikan maklumat yang mencukupi untuk mengenal pasti pendedahan terdahulu	
<b>5</b>	Pelapor Layak membuat pendedahan kepada ahli Parlimen Komanwel, Parlimen Negeri atau perundangan Wilayah atau kepada wartawan profesional	
<b>6</b>	Maklumat yang didedahkan tidak memberikan maklumat yang melebihi maklumat yang diperlukan untuk memaklumkan penerima tentang Perkara Boleh Dedah	Maklumat yang didedahkan tidak memberikan maklumat yang melebihi maklumat yang diperlukan untuk memaklumkan penerima tentang bahaya yang cukup besar dan nyata

Brambles mencadangkan agar individu mendapatkan nasihat undang-undang bebas sebelum membuat Pendedahan Kepentingan Awam atau Pendedahan Kecemasan.

## **7. Penyiasatan Pendedahan Berkelayakan**

- 7.1. Apabila Pendedahan Berkelayakan dibuat atau tidak lama selepas itu, Brambles akan mendapatkan persetujuan Pelapor Layak untuk mendedahkan identiti mereka dan apa-apa maklumat yang mungkin menyebabkan pengenalpastian identiti mereka. Pelapor Layak boleh memilih satu daripada dua pilihan:
- 7.1.1. Setuju. Ini bermaksud bahawa Pelapor Layak bersetuju dengan identiti mereka didedahkan bagi tujuan terbatas penyiasatan kebimbangan dan untuk pelaporan kepada pihak berkepentingan yang berkenaan. Ini ialah pilihan utama kerana Brambles merupakan pihak yang paling sesuai untuk menyiasat perkara dengan sepenuhnya dan memberi Pelapor Layak perlindungan dan sokongan yang berterusan.
- 7.1.2. Kekal Tanpa Nama. Ini bermaksud bahawa Pelapor Layak tidak memberitahu Brambles identiti mereka. Ini mungkin bermaksud bahawa keupayaan Brambles untuk mendapatkan maklumat lanjut daripada Pelapor Layak dan menyiasat perkara adalah terhad.
- 7.2. Apabila Pendedahan Berkelayakan dibuat, perkara tersebut akan disiasat secara wajar dan konsisten dengan proses yang ditetapkan dalam Dasar Tampil Bersuara dan Prosedur Pengendalian Standard untuk Penyiasatan Aduan Salah Laku. Walaupun anda tidak memberikan persetujuan seperti yang diterangkan di bahagian 7.1 di atas, tindakan Brambles mendedahkan maklumat yang anda kongsi, ***selain daripada identiti anda***, adalah sah di sisi undang-undang, yang mungkin menyebabkan identiti anda dikenal pasti jika terdapat keperluan yang munasabah untuk menyiasat kebimbangan yang dikemukakan. Jika pendedahan maklumat sedemikian diperlukan, Brambles akan mengambil semua langkah yang munasabah untuk melindungi identiti anda.
- 7.3. Kami berusaha untuk melindungi kerahsiaan identiti Pelapor Layak, dengan:
- 7.3.1. menyimpan maklumat tentang laporan secara selamat dan selaras dengan Dasar Pengelasan dan Pengendalian Data serta Dasar dan Jadual Penyimpanan Dokumen dan Pemusnahan Data kami;

- 7.3.2. menyunting identiti Pelapor Layak daripada semua dokumen yang berkaitan; dan
- 7.3.3. hanya berkongsi identiti Pelapor Layak dengan pihak yang mempunyai keperluan untuk tahu yang sah, tertakluk pada persetujuan yang diberikan oleh Pelapor Layak.
- 7.4. Jika anda percaya bahawa identiti anda tidak dirahsiakan, anda harus menghubungi Ketua Pegawai Pematuhan Brambles, yang akan menyemak dakwaan tersebut. Anda juga boleh menyerahkan aduan kepada pengawal selia, seperti ASIC atau Pejabat Percukaian Australia, untuk penyiasatan.

## 8. Perlindungan Terhadap Pendedahan Berkelayakan

Selain daripada perlindungan yang ditetapkan dalam Dasar Tampil Bersuara, di bawah Akta, perlindungan undang-undang berikut tersedia kepada Pelapor Layak yang membuat Pendedahan Berkelayakan:

	Perlindungan	Akibat
1	Perlindungan Kerahsiaan	<p>Pendedahan identiti Pelapor Layak atau apa-apa maklumat yang mungkin menyebabkan pengenalpastian identiti mereka menyalahi undang-undang di bawah Akta, melainkan apabila:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelapor Layak bersetuju;</li> <li>• pendedahan dibuat kepada ASIC, APRA atau ahli Polis Persekutuan Australia, atau jika perkara tersebut berkaitan dengan cukai, Pesuruhjaya Percukaian;</li> <li>• pendedahan dibuat kepada peguam untuk mendapatkan nasihat atau perwakilan undang-undang berhubung dengan pengendalian Akta; atau</li> <li>• maklumat yang mungkin menyebabkan pengenalpastian Pelapor Layak (<b><i>tetapi bukan identiti sebenar Pelapor Layak</i></b>) didedahkan kerana maklumat ini merupakan keperluan yang munasabah untuk tujuan penyiasatan hal tersebut dan semua langkah yang munasabah telah diambil untuk mengurangkan risiko bahawa Pelapor Layak akan dikenal pasti.</li> </ul>
2	Perlindungan daripada Kemudaratan dan Pampasan	<p>Tindakan menjalankan apa-apa kelakuan yang menyebabkan Perlakuan Memudaratkan, atau memberikan ancaman Perlakuan Memudaratkan (sama ada nyata, tersirat, bersyarat atau tidak bersyarat) menyalahi undang-undang di bawah Akta, kerana Pelapor Layak (atau mana-mana orang lain) telah mengemukakan, mungkin telah mengemukakan, bercadang untuk mengemukakan atau boleh mengemukakan Pendedahan Berkelayakan. Ini termasuk apa-apa situasi yang kepercayaan atau kecurigaan bahawa Pendedahan Berkelayakan telah, mungkin atau boleh dikemukakan merupakan sebahagian daripada sebab tindakan diambil. Jika Pelapor Layak tertakluk pada Perlakuan Memudaratkan atau ancaman Perlakuan Memudaratkan, mereka mungkin layak menerima pampasan atau penyelesaian lain di bawah Akta.</p>
3	Kekebalan daripada Sesetengah Jenis Liabiliti	<p>Pelapor Layak juga mungkin layak menerima perlindungan undang-undang lain dalam sesetengah keadaan, termasuk:</p>

	Perlindungan	Akibat
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• perlindungan daripada tindakan undang-undang sivil, jenayah dan pentadbiran kerana membuat Pendedahan Berkelayakan;</li> <li>• perlindungan daripada penyelesaian berkontrak atau lain-lain yang dikuatkuasakan atau digunakan terhadap mereka atas dasar mereka telah membuat Pendedahan Berkelayakan; dan</li> <li>• untuk Pendedahan Berkelayakan yang dibuat kepada ASIC, APRA atau Pesuruhjaya Percukaian dan untuk Pendedahan Kepentingan Awam serta Pendedahan Kecemasan, maklumat yang diberikan oleh mereka tidak boleh diterima sebagai bukti terhadap mereka dalam prosiding undang-undang (melainkan mereka memberikan maklumat palsu).</li> </ul>

8.1. Mahkamah diberi skop yang luas untuk membuat perintah yang menyelesaikan Perlakuan Memudaratkan atau ancaman Perlakuan Memudaratkan. Ini mungkin termasuk injunksi, perintah pampasan, pengembalian kedudukan jawatan, ganti rugi teladan dan maaf. Sekatan sivil dan jenayah juga mungkin terpakai kepada pelanggaran Akta.

## 9. Sungutan Berkaitan Kerja Peribadi

9.1. Secara umumnya, laporan yang berhubung dengan sungutan berkaitan kerja peribadi tidak layak menerima perlindungan undang-undang di bawah Akta. Laporan dianggap berkaitan dengan sungutan berkaitan kerja peribadi jika:

- aduan berkaitan dengan sungutan tentang apa-apa perkara yang berhubung dengan pekerjaan anda atau pekerjaan terdahulu anda atau mempunyai atau cenderung mempunyai implikasi terhadap anda secara peribadi; dan
- aduan tidak mempunyai implikasi signifikan terhadap Brambles atau mana-mana Syarikat Kumpulannya yang tidak berkaitan dengan anda atau dalam keadaan terhad tertentu yang lain.

9.2. Contoh sungutan berkaitan kerja peribadi termasuk:

- pertikaian antara anda dengan pekerja Brambles yang lain; dan
- keputusan yang berkaitan dengan terma dan syarat pekerjaan anda. Ini boleh termasuk apa-apa keputusan yang berkaitan dengan prestasi anda, keputusan yang berkaitan dengan pemindahan atau kenaikan pangkat atau keputusan yang berkaitan dengan pekerjaan berterusan anda.

9.3. Pendedahan sungutan berkaitan kerja peribadi yang tidak layak menerima perlindungan undang-undang akan dikendalikan di bawah Dasar Tampil Bersuara serta dasar dan prosedur sungutan Sumber Manusia lain yang berkenaan dengan sewajarnya.

9.4. Walau apa pun perkara yang disebutkan di atas, sungutan berkaitan kerja peribadi akan layak menerima perlindungan undang-undang di bawah Tambahan I ini jika:

- 9.4.1. ia membangkitkan dakwaan Perlakuan Memudaratkan (atau ancaman Perlakuan Memudaratkan) yang timbul daripada Pendedahan Berkelayakan (atau keupayaan untuk membuat Pendedahan Berkelayakan) pelapor di bawah Tambahan I ini;
- 9.4.2. ia merupakan laporan campuran yang menyertakan maklumat tentang Perkara Boleh Dedah serta sungutan berkaitan kerja peribadi;
- 9.4.3. ia menunjukkan bahawa Brambles atau Syarikat Kumpulan, atau pegawai atau pekerjanya, telah terlibat dalam kelakuan yang melanggar *Akta Perbadanan 2001* (Cth) atau undang-undang Australia tertentu yang lain;
- 9.4.4. ia berkaitan dengan dakwaan pelanggaran undang-undang Komanwel yang boleh dihukum penjara selama tempoh 12 bulan atau lebih atau berkaitan dengan kelakuan yang menimbulkan bahaya terhadap orang ramai atau sistem kewangan; atau
- 9.4.5. Perkara Boleh Dedah berkaitan dengan maklumat yang mencadangkan salah laku yang melampaui keadaan peribadi seorang individu dan sebaliknya memenuhi elemen selebihnya dalam Pendedahan Berkelayakan.

## **10. Sokongan untuk Pelapor Layak**

- 10.1. Kami menyedari bahawa tindakan mengemukakan apa-apa laporan Salah Laku, termasuk Perkara Boleh Dedah, boleh menjadi sukar dan tidak selesa. Dalam keadaan tertentu, termasuk untuk melindungi anda daripada risiko Perlakuan Memudaratkan, Brambles mungkin, berdasarkan kes demi kes, membenarkan anda melaksanakan tugas anda dari lokasi lain atau dalam peranan lain pada tahap kumpulan yang sama. Kami juga boleh menetapkan semula atau menempatkan semula pekerja Brambles yang didakwa terlibat dalam Salah Laku semasa siasatan sedang dijalankan.
- 10.2. Selain itu, pekerja Brambles dan keluarga mereka boleh menghubungi Program Bantuan Pekerja (EAP) Brambles untuk mendapatkan sokongan. EAP menyediakan perkhidmatan sokongan percuma, sulit dan jangka pendek oleh profesional yang berkelayakan kepada pekerja Brambles dan ahli keluarga terdekat mereka, sama ada secara bersemuka, melalui telefon atau melalui Internet. Maklumat tentang cara menghubungi EAP boleh didapati di Walter Brambles [di sini](#).

## **11. Semakan dan Penyelenggaraan Tambahan I ini**

Ketua Pegawai Undang-undang, bersama dengan Lembaga Pengarah, akan menyemak Tambahan I ini dari perspektif undang-undang dan operasi sekurang-kurangnya sekali setahun.